

# UPM menang 6 emas di MTE

Oleh Hafliza Hussin

bhvarsiti@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Universiti Putra Malaysia (UPM) mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan apabila meraih enam pingat emas, lapan perak dan 14 gangsa pada Pameran Malaysia Technology Expo (MTE) 2012 yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), baru-baru ini.

Sebanyak 29 projek UPM daripada kluster Manufactured Article, Plan, Prototype dan Model dipertandingkan dalam pameran berkenaan. Pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Prof Madya Dr Vijayaletchumy Subramaniam memenangi pingat emas melalui produknya yang dinamakan 'Phonic Tutor Software for Visually Dyslexic Children' berfungsi sebagai perisian visual bagi membantu kanak-kanak disleksik pertama di Asia Tenggara.

Penyertaan UPM pada MTE kali ini berbeza daripada tahun sebelumnya apabila

universiti itu meletakkan matlamat utama penyertaan adalah bagi mempromosikan produk berbanding memenangi pingat.

Pameran MTE 2012 juga menampilkan kesungguhan usahawan syarikat usaha sama UPM dalam mempromosi produk hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dijalankan universiti berkenaan kepada pengunjung.

Antara produk R&D UPM mendapat sambutan daripada pengunjung ialah UPM B10: Cecair Biobaja bagi pengeluaran tanaman lestari (Biofertilizer) keluaran syarikat Phyto-Gold Sdn Bhd; Therapeutic Herbal Bath (Putra Aromatic) keluaran syarikat EtlinGERa Sdn Bhd dan jualan anak-anak pokok; jus buah-buahan dan baja daripada Taman Pertanian Universiti (TPU).

Selain itu, sebanyak 15 syarikat sudah menyatakan minat mereka untuk mengadakan kerjasama penyelidikan dan pembangunan selain perundingan dengan UPM.



SEBAHAGIAN kakitangan akademik UPM menerima pengiktirafan dalam pameran MTE 2012 yang berlangsung di PWTC.